

Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

3.1 Kekayaan Hasil Bumi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

- 1 Siapakah pembesar tempatan yang telah membuka lombong bijih timah di Larut?
- MS Teks 58
- A Dato Sagor
 - B Ngah Ibrahim
 - C Che Long Jaafar
 - D Sultan Abdullah

- 2 Bagaimanakah Perak membebaskan negeri daripada naungan Acheh pada abad ke-17?
- MS Teks 59
- A Bantuan daripada Portugis
 - B Perjanjian dengan British
 - C Menjual konsesi tanah
 - D Menggadaikan wilayah

- 3 Apakah punca kemerosotan pengeluaran bijih timah di Perak pada akhir abad ke-18?
- MS Teks 59
- A Penggunaan teknologi baharu
 - B Kekurangan hasil galian
 - C Aktiviti penyeludupan
 - D Rusuhan pekerja

- 4 Berikut ialah nama tempat di negeri-negeri Melayu.
- MS Teks 60 - 61

- Lukut
- Jugra
- Larut

Apakah persamaan antara ketiga-tiga tempat tersebut?

- A Kawasan perlombongan
- B Bekas tanah jajahan Siam
- C Lokasi kerajaan awal Alam Melayu
- D Bandar yang dibangunkan oleh British

- 5 Berikut merupakan nama beberapa orang tokoh.
- MS Teks 61

- Yap Ah Loy
- Sutan Puasa
- Raja Abdullah bin Raja Jaafar

Apakah sumbangan tokoh-tokoh tersebut?

- A Membangunkan bandar
- B Mewujudkan sistem cukai
- C Mengusahakan bijih timah
- D Mendirikan hospital pertama

- 6 Apakah kaedah yang digunakan oleh orang Cina dalam aktiviti perlombongan emas di Pahang pada abad ke-18?
- MS Teks 63
- A Melaman
 - B Mendulang
 - C Lombong dedah
 - D Lombong bawah tanah

3.2 Peluasan Kuasa British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

- 7 Apakah muslihat di sebalik tindakan Gabenor Negeri-negeri Selat, Andrew Clarke untuk campur tangan di negeri Perak?
- MS Teks 64
- A Menjaga keamanan
 - B Menjaga keselamatan
 - C Meluaskan pengaruh British
 - D Menyelamatkan rakyat Perak

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam Perang Larut.
- MS Teks 64

- Kumpulan Ghee Hin
- Kumpulan Hai San

Apakah sebab berlakunya peperangan di atas?

- A Berbeza pandangan
- B Mempertahankan hak
- C Membuka petempatan
- D Perebutan kepimpinan

- 9 Apakah strategi yang digunakan oleh British untuk menguasai negeri Perak?
- MS Teks 64

- A Ugutan
- B Desakan
- C Manipulasi
- D Serangan fizikal

- 10 Mengapakah Raja Abdullah telah dinafikan hak ke atas takhta oleh kerabat diraja Perak?
- MS Teks 65

- A Tidak hadir ke upacara pemakaman Sultan Ali
- B Kurang sokongan pengikut
- C Gagal memenuhi syarat
- D Bukan waris ghara

- 11 Maklumat berikut merujuk kepada suatu peperangan di Selangor.
- MS Teks 66

Perang Klang

Bagaimanakah peperangan tersebut ditamatkan?

- A Bantuan kumpulan kongsi gelap
- B Bantuan ketenteraan oleh British
- C Sokongan sultan-sultan negeri Melayu
- D Permuafakatan antara sultan dan pembesar

12 Apakah alasan yang digunakan oleh British untuk campur tangan di Selangor?

MS Tekst 68

- I Serangan rumah api
- II Masalah pewarisan takhta
- III Pembunuhan warga British
- IV Rompakan kapal dagang British
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Maklumat berikut berkaitan dengan satu perjanjian yang ditandatangani antara British dengan pembesar tempatan di Negeri Sembilan.

MS Tekst 71

Perjanjian British-Sungai Ujong 1874

Apakah implikasi daripada perjanjian tersebut?

- A Yamtuan Besar hilang wilayah
- B Perdamaian pembesar dilakukan
- C Dato' Kelana dipindahkan ke Singapura
- D British berkuasa penuh mengutip cukai

14 Antara padanan berikut, yang manakah adalah betul berkaitan Residen dengan negeri Melayu yang dikuasai?

MS Tekst 72

	Perak	Negeri Sembilan
A	Martin Lister	J.P. Rodger
B	J.W.W. Birch	Martin Lister
C	J.G. Davidson	J.W.W. Birch
D	J.P. Rodger	J.G. Davidson

15 Antara yang berikut, manakah ciri-ciri Sistem Residen yang telah diamalkan di negeri-negeri Melayu?

MS Tekst 73

- I Sultan diberikan kuasa untuk mengutip cukai
- II Pentadbiran diketui oleh pembesar tempatan
- III Kedudukan sultan dan pembesar dikekalkan
- IV Sistem pentadbiran bercorak Barat diperkenalkan

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

3.3 Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

16 Apakah ciri-ciri Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896?

MS Tekst 74

- I Singapura menjadi pusat pentadbiran
- II Sultan dan pembesar mempunyai kuasa mutlak
- III Residen Jeneral mengetuai kerajaan persekutuan
- IV Raja-raja Melayu perlu menerima nasihat Residen Jeneral
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Pernyataan berikut berkaitan dengan masalah dalam pelaksanaan Sistem Residen di negeri-negeri Melayu.

MS Tekst 75

- Tiada panduan yang jelas dalam menjalankan tugas
- Residen semakin berkuasa

Apakah kesan daripada masalah tersebut?

- A Sistem Residen dimansuhkan
- B Penubuhan pentadbiran baru
- C Pemulangan kuasa kepada sultan
- D Residen diberikan latihan dalaman

3.4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

18 Apakah fungsi Majlis Mesyuarat Negeri yang ditubuhkan di negeri-negeri Melayu selepas campur tangan British?

MS Tekst 76

- I Menasihati British
- II Melantik pembesar
- III Menggubal undang-undang
- IV Membantu pentadbiran negeri
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Mengapakah British membentuk Durbar?

MS Tekst 77

- A Menasihati Pesuruhjaya Tinggi British
- B Mendapatkan sokongan pemerintah Melayu
- C Memberikan kuasa perundangan kepada pemerintah Melayu
- D Melibatkan pemerintah tempatan dalam pentadbiran persekutuan

20 Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian yang melibatkan negeri-negeri Melayu Bersekutu.

MS Teksa
77

Pada tahun 1909, British menubuhkan Majlis Mesyuarat Persekutuan bagi mengawal kuasa perundangan, kewangan dan pentadbiran negeri

Apakah pengajaran daripada peristiwa tersebut?

- A Berfikiran kreatif dan kritis dalam pembangunan negara
- B Bersatu padu dalam membangunkan ekonomi negara
- C Bersifat terbuka dalam menghadapi perubahan luar
- D Bijak mengelakkan campur tangan kuasa asing